

**TEKS UCAPAN YAB KETUA MENTERI PULAU PINANG
MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
DAN USUL PEMBANGUNAN 2007**

Dato' Speaker

A. BAJET 2007

A1. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bernama **"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2007 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan itu"** dibaca kali kedua.

PENGENALAN

A2. Tujuan Rang Undang-Undang Perbekalan 2007 adalah untuk mendapatkan kuasa berkanun bagi membolehkan kerajaan negeri membuat Perbelanjaan Bekalan sebanyak **RM258,146,630 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh Lapan Juta, Seratus Empat Puluh Enam Ribu, Enam Ratus Tiga Puluh)** bagi tahun 2007. Selain daripada itu, peruntukan sejumlah

RM42,612,490 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Dua Juta, Enam Ratus Dua Belas Ribu, Empat Ratus Sembilan Puluh)

diperlukan untuk Perbelanjaan Tanggungan mengikut undang-undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Oleh itu, jumlah keseluruhan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2007 ialah **RM300,759,120 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Juta, Tujuh Ratus Lima Puluh Sembilan Ribu, Seratus Dua Puluh).**

A3. Anggaran Bajet Pembangunan bagi tahun 2007 yang akan dicadangkan berjumlah **RM201,096,160 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Satu Juta, Sembilan Puluh Enam Ribu, Seratus Enam Puluh).** Dengan yang demikian, sebagai satu gambaran menyeluruh, sejumlah besar **RM461,855,280 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Enam Puluh Satu Juta, Lapan Ratus Lima Puluh Lima Ribu, Dua Ratus Lapan Puluh)** yang mencakupi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan dicadang untuk dibelanjakan bagi tahun 2007. Selaras dengan itu, ucapan saya akan merujuk kepada dua (2) risalah yang berkaitan, iaitu, Risalah Bil. No. 3 Tahun 2006 bagi Bajet Mengurus Tahun 2007 dan Risalah Bil. No. 4 Tahun 2006 bagi Bajet Pembangunan Tahun 2007.

A4. Bajet keseluruhan yang dicadangkan bagi tahun 2007 sebanyak **RM461.86 juta** merupakan peningkatan sebanyak **RM71.56 juta** atau **18.33 peratus** berbanding dengan bajet keseluruhan sebanyak RM390.30 juta bagi tahun 2006. Anggaran Bajet Mengurus yang berjumlah **RM300.76 juta** merupakan peningkatan sebanyak **RM4.27 juta** atau **1.44 peratus** jika dibandingkan dengan Bajet Mengurus tahun 2006. Anggaran Bajet Pembangunan sebanyak **RM201.10 juta** merupakan peningkatan sebanyak **RM65.34 juta** bersamaan **48.13 peratus** berbanding tahun semasa ini.

A5. Dalam ucapan saya ini, saya akan menggabungkan perbincangan mengenai Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan serta mengenengahkan isu-isu pentadbiran kerajaan negeri dan pembangunan sosio-ekonomi. Sememangnya, perbelanjaan yang dicadangkan adalah realistik dan pragmatik. Ianya adalah selaras dengan komitmen kerajaan negeri untuk sentiasa menjana pertumbuhan ekonomi yang rancak, menjamin kesejahteraan rakyat serta meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup. Di sebaliknya, ianya terpaksa mengambil kira kedudukan dan

kemampuan kewangan negeri yang mempunyai sumber hasil yang terhad. Oleh itu, kerajaan negeri akan terus bekerjasama rapat dengan kerajaan persekutuan supaya dapat memperolehi pembiayaan persekutuan sama ada dalam bentuk geran atau pinjaman untuk projek-projek besar yang tidak mampu dibiayai oleh kerajaan negeri. Di bawah RMKe-9 yang diluluskan pada bulan Mac tahun ini, negeri ini telah berjaya mendapat peruntukan dan sumber pembiayaan yang agak besar, iaitu di lingkungan RM13.0 billion, iaitu sejumlah lebih daripada tiga (3) kali ganda berbanding dengan RMKe-8.

A6. Dengan mengambil kira faktor-faktor yang telah dijelaskan, maka strategi Bajet tahun 2007 Negeri Pulau Pinang memberi penekanan dan pengukuhan kepada strategi Bajet tahun 2006, iaitu, seperti berikut:-

Pertama: Memantapkan kedudukan kewangan negeri;

Kedua: Mengimbangkan keperluan pembangunan selaras dengan kemampuan kewangan negeri dan peruntukan persekutuan;

Ketiga: Meningkatkan pungutan hasil, termasuk mengurangkan tunggakan; dan

Keempat: Membangunkan modal insan di kalangan penjawat awam yang komited kepada kecemerlangan, ke arah usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

A7. Agihan Bajet Mengurus tahun 2007 mengikut Objek Am menunjukkan terdapat peningkatan kecuali butiran Perkhidmatan dan Bekalan, Aset dan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan **Emolumen** berjumlah **RM84.61 juta** yang merupakan penambahan sebanyak **RM4.24 juta** atau **5.27 peratus** bagi menampung kenaikan gaji dan elaun seramai 3,471 pegawai dan anggota kerajaan negeri. Penambahan ini juga disebabkan penstrukturan semula Jabatan Kehakiman Syariah, termasuk pewujudan jawatan baru dan penggredan semula jawatan; kenaikan Imbuhan Tetap Khidmat Awam kepada kakitangan kumpulan sokongan; bantuan kos sara hidup (COLA) dengan kadar 50 peratus kepada anggota perkhidmatan awam

yang mendiami kuarters kerajaan yang telah bermula pada 1 September 2006; serta bonus bersamaan dua (2) bulan gaji bagi anggota yang berpendapatan sehingga RM750.00 sebulan dan bonus bersamaan satu (1) bulan gaji bagi anggota yang berpendapatan melebihi RM750.00 sebulan, tertakluk kepada bonus minimum RM1,500.00 seperti mana yang diluluskan dalam Bajet Persekutuan Tahun 2007. **Perkhidmatan dan Bekalan** berjumlah **RM62.32 juta**, iaitu menurun **RM0.44 juta** atau **0.71 peratus** di mana anggaran ini disediakan setelah mengambil kira prestasi perbelanjaan sebenar pada tahun 2005, kenaikan harga minyak dan tarif elektrik serta kenaikan elaun perbatuan dan tuntutan perjalanan.

A8. Peruntukan bagi **Perbelanjaan Lain** berjumlah **RM10.30 juta**, iaitu bertambah **RM4.95 juta** atau **92.66 peratus** disebabkan keperluan bayaran balik sejumlah RM5.0 juta kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tanah Stadium Batu Kawan. Peruntukan bagi **Aset** berjumlah **RM2.27 juta**, iaitu dikurangkan sebanyak **RM3.32 juta** atau **59.45 peratus** oleh kerana banyak perolehan telahpun dibuat pada tahun semasa 2006, di samping penekanan kepada perolehan secara sewaan berbanding

dengan pembelian, khususnya bagi peralatan-peralatan yang memerlukan penyelenggaraan dan mudah mengalami perubahan teknologi. Peruntukan bagi **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** pula yang berjumlah **RM141.27 juta** menunjukkan pengurangan sebanyak **RM1.15 juta** atau **0.81 peratus** berbanding dengan tahun ini, disebabkan pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM40.0 juta pada tahun 2007 berbanding dengan RM41.94 juta bagi tahun 2006.

A9. Bajet Pembangunan yang dicadangkan pada tahun 2007 ialah berjumlah **RM201.10 juta** berbanding **RM135.76 juta** bagi tahun 2006, iaitu, kenaikan sebanyak **RM65.34 juta** atau **48.13 peratus**. Kenaikan ini telah mengambil kira peruntukan bagi projek-projek pinjaman persekutuan seperti pembelian bas awam dan projek bekalan air yang berjumlah RM93.0 juta bagi tahun 2007. Peruntukan Pembangunan tahun 2007 yang dicadang dibiayai secara langsung oleh negeri ialah **RM101.10 juta**, iaitu, pengurangan sebanyak **RM27.66 juta** atau **21.49 peratus** berbanding peruntukan sebanyak **RM128.76 juta** bagi tahun ini. Pengurangan ini disebabkan peruntukan Pengambilan Balik Tanah telah dikurangkan daripada RM32.0 juta pada tahun 2006 kepada

RM12.61 juta bagi tahun 2007 dan pengurangan peruntukan pembangunan kepada jabatan-jabatan tertentu kerana mengambil pertimbangan akan peruntukan pembangunan dan peruntukan khas yang telah dan akan dibiayai oleh kerajaan persekutuan. Walau bagaimanapun, pengurangan peruntukan secara langsung ini tidak bermakna kurangnya komitmen kerajaan negeri kepada pembangunan, tetapi merupakan strategi untuk mengoptimumkan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri dan persekutuan dengan lebih efisien selaras dengan kemampuan jentera pentadbiran yang terhad.

A10. Peruntukan Mengurus Tahun 2007 yang dimohon kelulusan mengikut Maksud Tanggungan T.01 hingga T.03 dan Maksud Bekalan B.01 hingga B.20 bagi semua jabatan di bawah kerajaan negeri adalah seperti yang tersenarai dalam Risalah Bil. No. 3 Tahun 2006. Anggaran Bajet Pembangunan Tahun 2007 yang dipohon kelulusan mengikut Maksud Pembangunan P.01, P.08, P.09, P.10, P.12, P.13, P.16, P.17 dan P.18 bagi sembilan (9) jabatan kerajaan negeri adalah seperti tersenarai dalam Risalah Bil. No. 4 Tahun 2006. Di sini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada suatu pembetulan yang perlu dibuat kepada Warta Kerajaan

Negeri Pulau Pinang mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2007 yang telah dibentangkan. Di mukasurat empat (4), Maksud B.01 - Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan di mana amaun mengenai peruntukan yang salah dicetak ialah **RM73,562.020.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Tiga Ribu, Lima Ratus Enam Puluh Dua, Dua Sen)**. Kesilapan ialah tanda titik selepas angka "dua" dan sebelum angka "kosong" hendaklah digantikan dengan tanda "koma." Amaun peruntukan sepatutnya dibaca sebagai **RM73,562,020.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Tiga Juta, Lima Ratus Enam Puluh Dua Ribu, Dua Puluh)**.

A11. Bagi tahun 2007, kerajaan negeri menganggarkan hasil yang dikutip berjumlah **RM262,402,695 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Enam Puluh Dua Juta, Empat Ratus Dua Ribu, Enam Ratus Sembilan Puluh Lima)** iaitu peningkatan **RM14.81 juta** atau **5.98 peratus** berbanding anggaran tahun ini. Berkaitan dengan kutipan hasil, kerajaan negeri mengambil berat terhadap tunggakan-tunggakan yang masih terkumpul dalam cukai tanah sebanyak RM54.2 juta, sewa perumahan sebanyak RM8.72 juta dan Tabung Amanah Pinjaman Penuntut sebanyak RM24.41 juta.

Tindakan-tindakan tegas akan diambil bagi mengutip tunggakan-tunggakan ini seperti berikut:-

- (a) Merampas tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara bagi kes tunggakan cukai tanah melebihi RM10,000.00 atau lima (5) tahun tidak berbayar;
- (b) Mewujudkan Pasukan Petugas untuk memantau kutipan hasil tanah, menyelaraskan pelaksanaan dan penguatkuasaan;
- (c) Menyemak semula Perjanjian Sewa-Beli Rancangan Perumahan Murah dengan cadangan dikenakan kompaun bagi tunggakan sewa, pungutan bayaran tertunggak melebihi tiga (3) bulan oleh skuad khas dari rumah ke rumah dan arahan potongan gaji; dan
- (d) Mengeluarkan notis tahunan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas peminjam Tabung Amanah Pinjaman Penuntut yang tidak mula menjelas bayaran balik pinjaman selepas enam (6) bulan tamat pengajian.

A12. Komposisi hasil tahun 2007 terdiri daripada hasil cukai sebanyak **RM100.89 juta** atau **38.45 peratus**, hasil bukan cukai sebanyak **RM95.98 juta** atau **36.58 peratus** dan terimaan bukan hasil sejumlah **RM65.54 juta** atau **24.97 peratus**. Di antara sumber pembiayaan untuk perbelanjaan pembangunan tahun 2007 adalah dicadangkan daripada akaun hasil dan ini menjadikan Bajet 2007 mengalami defisit sebanyak **RM38.36 juta**. Defisit ini walau bagaimanapun adalah kurang daripada defisit **RM48.9 juta** yang telah dijangka dalam Bajet 2006 dahulu. Kekurangan ini dicadang dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri yang masih berbaki sebanyak **RM319.11 juta** pada akhir tahun 2005 dan dijangka secara konservatifnya akan terus berada di paras yang hampir sama pada akhir tahun ini. Jangkaan ini dibuat kerana Perbelanjaan Tanggungan selalunya pada tahap minimum sahaja. Tambahan pula, bayaran balik pinjaman untuk projek bekalan air luar bandar yang diperuntukkan sebanyak **RM24.19 juta** dalam Bajet 2006 telah ditangguhkan berikutan keputusan untuk dikontrakan dengan geran, di samping tindakan-tindakan afirmatif dan agresif untuk mempertingkatkan kutipan hasil semasa dan mengurangkan tunggakan hasil.

A13. Seperti mana Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan sedia maklum, kerajaan negeri akan mencadangkan belanjawan defisit pada tahun 2007, sama seperti tahun ini. Walau bagaimanapun, pada tahun 2007 telah mengurangkan defisit belanjawannya melalui Perbelanjaan Mengurus yang terkawal dengan kenaikan hanya sebanyak **RM4.27 juta** atau **1.44 peratus** berbanding kenaikan pungutan hasil yang dijangka sebanyak **RM14.81 juta** atau **5.98 peratus**.

B NEGERI PULAU PINANG DALAM KONTEKS MISI NASIONAL, RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN DAN KORIDOR PEMBANGUNAN UTARA

B1. Sememangnya, tahun 2006 ini merupakan tahun yang amat istimewa dalam sejarah pembinaan negara. Ini adalah kerana ianya merupakan titik pertengahan dalam perjalanan negara kita menuju ke arah Wawasan Negara. Oleh itu, Perdana Menteri kita, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) pada bulan Mac yang lalu telah mengumumkan bahawa tempoh 15 tahun di antara tahun 2006 hingga tahun 2020 merupakan fasa kedua

bagi perjalanan ini, yang disifatkan sebagai Misi Nasional. Misi Nasional ini akan melibatkan setiap warganegara dari semua golongan dan lapisan masyarakat untuk menumpukan perhatian dan mencurahkan tenaga supaya mencapai semua sasaran Wawasan Negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang benar-benar maju dari semua segi. RMKe-9 merupakan rancangan lima (5) tahun yang pertama bagi Misi Nasional ini.

B2. Selaras dengan Misi Nasional dan RMKe-9, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah juga menggubal Misi Negeri Pulau Pinang atau "*The Penang Mission*" bagi tempoh 2006 hingga 2020 dan Rancangan Negeri Pulau Pinang yang Kedua (RNPP2) bagi tempoh 2006 hingga 2010. Di samping itu, Y.A.B. Perdana Menteri telah juga mengumumkan konsep Koridor Pembangunan di mana Negeri Pulau Pinang terletak di dalam Koridor Pembangunan Utara. Deraf Rancangan Konsep (*Draft Concept Plan*) bagi Koridor Pembangunan Utara telah disediakan dan dipamerkan baru-baru ini. Oleh itu, adalah tepat bahawa Ucapan Bajet saya pada kali ini menyentuh juga mengenai RMKe-9 dan Koridor Pembangunan Utara.

B3. Di bawah RMKe-9, sebanyak **RM7,653 juta** telah diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan bagi Negeri Pulau Pinang, di samping peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) berjumlah RM601 juta, menjadikan jumlah besar sebanyak **RM8,254 juta**. Ini merupakan pertambahan sebanyak RM4,214 juta atau 104 peratus berbanding dengan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-8 yang asal sebanyak RM4,040 juta. Angka tersebut tidak termasuk pembiayaan yang akan ditanggung oleh pihak swasta dalam pelaksanaan tiga (3) projek prasarana raksaksa, iaitu, Jambatan Kedua Pulau Pinang sebanyak hampir RM3,000 juta, Projek Monorel yang dianggar sebanyak RM1,100 juta dan Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) sebanyak RM1,000 juta.

B4. Dalam konteks ini, Bajet 2007 Negeri Pulau Pinang juga merupakan satu usaha dan agenda tindakan yang dapat menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan Misi Nasional ke arah merealisasikan Wawasan 2020, seperti mana disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2007 bertemakan "Melaksanakan Misi Nasional Ke Arah Mencapai Wawasan Negara" pada 1 September 2006 lalu. Misi Nasional bagi tahun 2006 hingga 2020 yang dirangka berlandaskan kepada lima (5) teras utama

menjadi tunjang dan landasan kepada kerajaan negeri untuk menggubal dan melaksanakan Misi Negeri Pulau Pinang bagi tempoh yang sama dengan lima (5) teras utama seperti berikut:-

Pertama: Meningkatkan daya saing dan nilai tambah ekonomi negeri;

Kedua: Membina masyarakat berpengetahuan yang bermoral (*k-society*) dan memperkasakan kebudayaan yang segar (*vibrant culture*);

Ketiga: Memajukan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih adil dan seimbang serta memupuk semangat penyayang;

Keempat: Memelihara keseimbangan alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup rakyat; dan

Kelima: Memajukan urus tadbir yang baik dan mengukuhkan keupayaan pelaksanaan.

B5. Sebagai satu strategi untuk menjana dan mengagihkan hasil pembangunan secara lebih berkesan, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan konsep koridor pembangunan atau wilayah. Strategi yang inovatif dan pro-aktif ini bertujuan untuk mewujudkan dan memperkasakan perhubungan secara sinergistik antara negeri-negeri atau daerah-daerah di dalam satu wilayah atau koridor pembangunan supaya dapat menggabungkan segala kelebihan dari tiap-tiap negeri atau daerah yang berkenaan itu untuk menambah kesan pembangunan secara lebih berkesan dan bersepadu serta seimbang dan selaras. Mengikut konsep ini, selain daripada projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan di bawah RMKe-9, pihak swasta akan diberi peranan yang lebih aktif dan efektif, dipimpin dan diterajui oleh Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan atau *Government Linked Companies* (GLCs) yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan pengurusan yang mampan.

B6. Selain daripada Koridor Pembangunan Tengah yang berpusat di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Cyberjaya yang merangkumi Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Negeri Melaka, tiga (3) koridor utama di Semenanjung Malaysia telah dikenalpasti untuk

melaksanakan konsep ini, iaitu, Koridor Pembangunan Selatan yang meliputi beberapa daerah di Selatan Johor, Koridor Pembangunan Timur yang merangkumi Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Timur Johor serta Koridor Utara yang merangkumi Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak yang dikenali sebagai *Northern Corridor Economic Region* (NCER). Bagi NCER, Kumpulan Sime Darby telah diberi tugas sebagai agensi utama untuk melaksanakan misi Koridor Pembangunan Utara. Koridor Pembangunan Utara ini mempunyai keluasan tanah sebanyak 1.9 juta hektar dan jumlah penduduk seramai 5.4 juta orang.

B7. Mengikut draf rancangan konsep pembangunan yang dikemukakan oleh Sime Darby, misi utama Koridor Pembangunan Utara ialah untuk “memangkinkan pembangunan Koridor Pembangunan Utara melalui proses mengenalpasti peluang-peluang komersil yang kukuh dan mengimplementasikan daya usaha dan inisiatif strategik yang diluluskan oleh Kerajaan.” Empat (4) objektif daya usaha dikenalpasti seperti berikut:-

Pertama: Membasmi kemiskinan dan jurang perbezaan pendapatan yang tidak sama rata melalui program-program penjanaaan pendapatan dan kekayaan yang teratur, sistematik dan konsisten;

Kedua: Mencapai pertumbuhan yang seimbang di dalam semua sektor terpilih;

Ketiga: Membangunkan modal insan untuk memenuhi keperluan permintaan pasaran saingan antarabangsa; dan

Keempat: Menambahkan pelaburan sektor swasta dan inisiatif pembiayaan swasta.

Di samping itu, lima (5) bidang pembangunan utama telah dikenalpasti iaitu, pertanian, pendidikan, pembuatan, pelancongan dan prasarana. Penyertaan Negeri Pulau Pinang serta sumbangan yang dapat diberi dan faedah-faedah yang dapat dinikmati oleh

negeri kita dalam lima (5) bidang ini akan dihuraikan nanti mengikut bidang-bidang yang berkenaan.

B8. Konsep dan pendekatan utama bagi deraf rancangan NCER ini telah dikenalpasti secara asas dan kasar. Perundingan telah dimulakan di antara kerajaan persekutuan, empat (4) kerajaan negeri yang berkenaan dan Kumpulan Sime Darby untuk membincangkan dan menghalusi perancangan program-program dan projek-projek yang akan dilaksanakan. Untuk memastikan penyelarasan yang berkesan, sebuah Majlis Eksekutif NCER telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri dengan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri sebagai timbalannya, serta semua Menteri Besar dan Ketua Menteri dan beberapa orang menteri persekutuan sebagai ahli. Di bawah majlis ini, dijangka akan ditubuhkan sebuah jawatankuasa kerja di peringkat pegawai kanan. Tempoh Fasa Pertama bagi pelaksanaan NCER adalah bersamaan dengan tempoh RMKe-9. Adalah dijangka bahawa melalui NCER, suntikan kewangan dari sektor awam dan swasta akan dapat diperolehi untuk Koridor Pembangunan Utara ini, sebagai tambahan kepada peruntukan RMKe-9.

B9. Adalah diyakini bahawa NCER akan berjaya kerana penglibatan, penumpuan dan penyelarasan oleh pucuk pimpinan kerajaan persekutuan dalam pelaksanaannya akan menjadikannya lebih berfokus dan berkesan. Tambahan pula, penglibatan oleh GLC secara khusus dan oleh sektor swasta secara aktif akan dapat menjanakan lebih banyak aktiviti ekonomi yang berhasil. Dengan konsep NCER ini dilaksanakan serentak dengan RMKe-9, boleh dikatakan bahawa tempoh empat (4) tahun yang akan datang sehingga tahun 2010 merupakan tempoh yang amat penting, bahkan amat menarik dan memberangsangkan. Oleh itu, segala sumber, tenaga, usaha dan masa hendaklah ditumpukan supaya memastikan pelaksanaan konsep NCER ini bersama-sama dengan RMKe-9 akan berjaya dan memenuhi objektif-objektifnya.

B10. Sebenarnya, konsep NCER ini memberi satu perspektif yang lebih luas dan rangka jangkamasa yang lebih panjang terhadap hala tuju, strategi dan pendekatan pembangunan bagi setiap negeri. Ini adalah kerana dalam strategi pembangunan negeri masing-masing, kita hendaklah mengambilkira kelebihan dan keperluan negeri-negeri lain dalam koridor yang sama supaya kita tidak sahaja boleh mempergunakan atau "*leverage on*" kelebihan-kelebihan mereka

untuk melengkapi (*complement*) sumber dan tenaga dalam negeri kita sendiri, di samping mengelakkan persaingan dan pertindihan yang kurang sihat, malah mampu menyumbang secara efektif kepada pembangunan negeri-negeri NCER. Selain daripada itu, kita hendaklah juga mengambilkira hala tuju pembangunan negara pada keseluruhannya serta segala peluang, cabaran dan perubahan yang sedang berlangsung dan akan berlaku dalam pasaran sedunia dan arena politik sedunia. Keadaan ekonomi dan sosial akan menjadi lebih dinamik yang sememangnya memerlukan minda yang lebih terbuka, perancangan yang lebih bernas dan pendekatan yang lebih fleksibel. Pengubahsuaian, perubahan dan pembaharuan diperlukan dari semasa ke semasa.

B11. Memandangkan hakikat tersebut, kerajaan negeri telah membuat keputusan bahawa, dalam penyediaan rancangan lima (5) tahun melalui Rancangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua (RNPP2), beberapa perubahan dan penambahbaikan terhadap strategi-strategi pembangunan, program-program dan projek-projek perlu dibuat supaya lebih selaras dengan pelaksanaan RMKe-9 dan pelan tindakan NCER. Oleh itu, penyediaan RNPP2 memerlukan perhatian yang lebih teliti dan masa yang lebih

panjang lagi. Maka, RNPP2 dan program-program di bawah Misi Negeri akan dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang akan datang. Dalam konteks ini, belanjawan tahunan bagi negeri ini, khasnya peruntukan yang akan disediakan dan dibiayai dari sumber negeri, hendaklah menokotambah dan melengkap peruntukan dan suntikan kewangan bagi projek-projek di bawah NCER serta RMKe-9 dan Rancangan-Rancangan Malaysia pada masa hadapan. Dengan demikian, belanjawan dalam bentuk peruntukan bagi lima (5) tahun tidak akan disediakan secara ketat (*rigid*) di dalam RNPP2 supaya tidak menjadikannya terlalu terkongkong. Ini merupakan satu pendekatan yang pragmatik kerana mengambilkira perspektif wilayah dan jangkamasa panjang serta keperluan jangkamasa pendek.

C MENINGKATKAN DAYA SAING DAN MENJANAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

C1. Sejak tahun 70an, selepas pelaksanaan program perindustrian, ekonomi Negeri Pulau Pinang telah mengalami transformasi yang besar, dari sebuah ekonomi yang bergantung kepada pertanian dan perdagangan komoditi ke sebuah ekonomi perindustrian yang pesat membangun. Transformasi ini telah

berjaya menghasilkan keadaan "*full employment*," iaitu tanpa pengangguran yang ketara, di samping meningkatkan taraf dan mutu hidup rakyat pada amnya. Dalam tempoh yang sama, sektor pelancongan dan sektor perkhidmatan juga telah berkembang dengan terjalannya perhubungan antarabangsa yang kian diperluaskan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa ekonomi negeri ini telah menjadi sangat terbuka kepada pasaran sedunia atau "*internationalised*." Walaupun pada amnya menguntungkan negeri dan rakyat kita, pendedahan kepada pasaran sedunia juga bermakna bahawa kita hendaklah sentiasa menghadapi kesan daripada naik turun dan persaingan yang sengit dalam pasaran sedunia. Oleh itu, adalah amat penting bahawa kita peka kepada cabaran ini dan terus berusaha mempertingkatkan lagi daya saing kita dalam semua sektor ekonomi, di samping memperluaskan lagi asas ekonomi kita supaya menjadi lebih stabil dan kukuh.

C2. Dalam sektor pembuatan, selepas mengalami penurunan berturut-turut selama empat (4) tahun, jumlah pelaburan telah meningkat dari RM2 billion bagi tahun 2004 ke RM4.8 billion bagi tahun 2005. Peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) adalah amat memberangsangkan, iaitu, hampir empat (4) kali ganda dari

RM1.0 billion ke RM3.9 billion. Angka ini merupakan 21 peratus dari jumlah FDI bagi Malaysia yang berjumlah hampir RM18 billion dan menduduki tempat yang kedua, selepas Johor pada tahun 2005. Momentum FDI juga agak menggalakkan bagi tahun ini. Berbanding dengan RM1.5 billion pada tempoh yang sama bagi tahun yang lepas, FDI bagi sembilan (9) bulan pertama bagi tahun ini telah mencapai RM3.1 billion. Ini merupakan 22 peratus dari hampir RM14 billion bagi Malaysia dan menduduki tempat yang pertama setakat ini. Sebenarnya, tahap pelaburan di lingkungan RM3.0 billion ke RM4.0 billion adalah setaraf dengan kemuncak yang tercapai pada tahun 1999 dan 2000 selepas penetapan matawang Ringgit atau "*Ringgit pegging*" pada tahun 1998 dan berada di antara tahap yang tertinggi sekali sejak dasar perindustrian dilancarkan pada tahun 1970.

C3. Peningkatan pelaburan bagi Negeri Pulau Pinang, khasnya pelaburan asing adalah hasil daripada beberapa faktor dalaman dan luaran. Bagi faktor dalaman, strategi serampang dua mata, iaitu, pengukuhan (*consolidation*) dan mempelbagaian (*diversification*) yang diusahakan sejak awal tahun 2000 telah mulai berhasil. Dari segi "*consolidation,*" keupayaan "*technical workforce*" dalam

syarikat-syarikat multi-nasional (MNC) telah mencapai tahap yang agak tinggi dan dapat menyakinkan MNC supaya terus membawa berbagai-bagai teknologi dan produk yang baru ke kilang mereka di Negeri Pulau Pinang, termasuk mempertingkatkan lagi kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan rekabentuk atau "*design*." Pada masa yang sama, industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan dapat juga mempertingkatkan lagi keupayaan dan kapasiti mereka, khasnya dalam bidang seperti automasi, "*precision engineering*" dan kejuruteraan proses. Usaha "*diversification*" ke bidang-bidang, produk-produk dan teknologi-teknologi yang baru oleh MNC dan IKS juga telah mulai berhasil, khasnya dalam bidang peralatan perubatan atau "*medical devices*", "*radio frequency*" atau RF dan perisian atau "*software*," di samping menerokai bidang-bidang baru yang lain, termasuk *bio-farmaseutikal* dan *marin bioteknologi*. Usaha promosi dan inisiatif-inisiatif yang berkaitan akan terus dipertingkatkan pada masa hadapan, khasnya oleh investPenang, PDC dan PSDC melalui kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti MIDA, SMIDEC, MDeC, Bio Corp dan sebagainya.

C4. Mengenai faktor-faktor luaran pula, walaupun negara China masih rancak dalam pembangunannya, beberapa kekangan telah timbul dari segi infrastruktur yang semakin sesak, kos keseluruhan yang semakin meningkat dan kadar pusing ganti kerja (*turnover rate*) bagi tenaga mahir yang semakin meningkat, serta isu mengenai Harta Intelek (*Intellectual Property*) dan sebagainya. Walaupun negara-negara lain seperti India dan Vietnam sedang giat membangun dan semakin menimbulkan persaingan, namun tahap kemantapan mereka masih belum sampai ke tahap seperti di Malaysia, khasnya di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, telah kelihatan beberapa syarikat, khasnya yang berskala kecil dan sederhana mulai beralih minat mereka dan ada juga yang menutup operasi mereka di negara China dan berpindah kembali ke Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, peningkatan faktor-faktor dalaman dan munculnya faktor-faktor kekurangan luaran, telah memberi satu tempoh buat tiga (3) hingga empat (4) tahun sebagai "*breather*" atau "*window of opportunity*" untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan kita meningkatkan lagi daya saing dan memperkukuhkan kedudukan.

C5. Satu projek perindustrian yang besar ialah kompleks automotif yang sedang dibangunkan oleh Kumpulan Naza di Kepala Batas. Dengan projek ini, Kepala Batas, Gurun dan Kulim akan menjadi segi tiga pertumbuhan bagi kelompok automotif dalam Koridor Pembangunan Utara. Sememangnya, dengan kepakaran dan pengalaman yang telah dapat dibangunkan dalam tempoh 35 tahun kebelakangan ini, sektor perindustrian di Negeri Pulau Pinang akan terus menjadi pemangkin kepada pembangunan perindustrian di kawasan-kawasan jiran. Mengikut konsep Koridor Pembangunan Utara, kawasan-kawasan dalam Pulau Pinang dan Seberang Perai bersama-sama dengan Kulim Hi-Tech Park, kawasan-kawasan perindustrian di Sungai Petani dan Gurun di Kedah serta Parit Buntar dan Kamunting/Taiping di Utara Perak akan berkembang bersama sebagai Kelompok Segitiga Pembuatan Elektronik, ICT dan Penyelidikan.

C6. Dalam konteks ini, usaha lebih gigih akan terus dipergiatkan oleh pihak kerajaan bersama-sama dengan sektor swasta tempatan dan asing supaya mempertingkatkan lagi kemampuan tenaga pekerja mahir kita, melalui berbagai-bagai jenis program latihan di pelbagai peringkat melalui institusi pengajian tinggi, termasuk

Politeknik, PSDC, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran MARA (IKM). Di bawah RMKe-9, peruntukan sebanyak RM145 juta disediakan untuk dua (2) buah ILP dan RM20 juta untuk dua (2) buah IKM bagi negeri ini. Tumpuan akan diberi untuk peningkatan IKS tempatan dari sektor teknologi, keupayaan pemasaran dan keusahawanan. Dari segi ini, inisiatif akan diteruskan untuk melahirkan (*nurture*) usahawan Bumiputera yang tulen (*genuine*) dan efektif, termasuk menggalakkan usahasama di antara Bumiputera dan bukan-Bumiputera untuk mendapat sinergi daripada kelebihan-kelebihan masing-masing supaya berupaya menerokai pasaran-pasaran baru yang sedang membangun di China, India dan negara-negara Islam. Di samping itu, sebagai usaha untuk memastikan kualiti alam sekitar dan suasana di kawasan-kawasan perindustrian terus menarik dan selesa kepada para pelabur dan pekerja, kerajaan persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM128.0 juta di bawah RMKe-9 untuk menaik taraf, menyelenggara dan menambahbaik kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada di Pulau Pinang.

C7. Sektor pelancongan menikmati satu pertumbuhan yang sihat dari segi ketibaan pelancong dan kadar penginapan hotel, iaitu, dijangka sebanyak sepuluh (10) peratus dalam tempoh masa sepuluh (10) bulan yang pertama tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun yang lalu di mana ianya terjejas oleh impak tsunami. Usaha promosi yang agresif dan strategik akan terus dilaksanakan bagi memastikan ketibaan pelancong yang lebih tinggi dicatatkan pada tahun hadapan bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2007. Beberapa pelan promosi yang strategik telah digubal dan dilaksanakan bersama dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk pasaran India, Singapore Airlines untuk Singapura, China Airlines untuk Taiwan, Korean Air untuk Korea dan Cathay Pacific untuk Hong Kong dan China. Promosi "*roadshow*" yang strategik juga digubalkan dengan agensi-agensi pelancongan utama di pasaran Australia, United Kingdom, Indonesia, Negara-negara Timur Tengah, Filipina dan Vietnam. Pada masa yang sama, kerajaan negeri sedang berusaha untuk menambah penerbangan terus daripada lebih banyak bandaraya dan destinasi di Indonesia, India, China mahupun negara-negara lain. Rundingan juga sedang dijalankan dengan sektor swasta bagi

mewujudkan satu hab bagi penerbangan kos rendah atau *Low Cost Carrier* (LCC) di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

C8. Beberapa produk pelancongan baru sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Taman Negara dijangka dibuka dengan rasminya pada bulan Jun 2007, di mana Pusat Interpretasi Penyu di Pantai Kerachut akan menjadi salah satu tarikan utama. Projek *Reptile Farm* di Taman Rimba Telok Bahang dijangka siap juga pada bulan Jun tahun hadapan. Di bawah RMKe-9, perancangan sedang dimulakan bagi mewujudkan Taman Negeri di hutan simpan kekal Bukit Panchor dan Pulau Jerejak. Projek-projek pelancongan eko, *homestay*, makanan laut dan sukan bermotor telah dilaksanakan di Seberang Perai Tengah dan Selatan, manakala Majlis Tindakan Pelancongan Negeri telah mencadangkan kepada Pejabat Daerah Seberang Perai Utara agar diwujudkan Galeri Alat-alat Muzik Tradisional dan Muzium Senjata Tradisional. Pembinaan jeti Batu Musang di Batu Kawan telah selesai dilaksanakan oleh PDC pada penghujung tahun lepas yang meningkatkan jarak perhubungan ke Pulau Aman dan Pulau Gedong. Sehubungan dengan ini, PDC sedang giat membuat persiapan untuk

melaksanakan projek kemudahan pelancongan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan, yang dijangka siap dalam tempoh RMKe-9.

C9. Tiga (3) projek prasarana pelancongan sedang berada di pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan bagi tempoh tiga (3) hingga empat (4) tahun yang akan datang. Perancangan telah dimulakan untuk projek menaik taraf Keretapi Bukit Bendera yang diberi peruntukan RM40.0 juta di bawah RMKe-9. Projek *Penang Hill Cable Car* yang dicadangkan oleh pihak swasta dijangka akan masuk ke tahap perancangan teknikal secara lebih teliti. Pembinaan *Penang International Cruise Centre* sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2008. Kemudahan ini telah menjadi pemangkin kepada beberapa projek pembangunan bangunan warisan oleh pihak swasta, termasuk dua (2) buah hotel *boutique* di kawasan Pengkalan Weld di George Town. Di samping itu, satu hotel di Bayan Baru dan satu lagi di Juru sedang dirancang, manakala projek Hotel Seri Malaysia sedang dilaksanakan di Seberang Perai Utara. Sejumlah 12 acara khas dan 38 acara tahunan akan dilaksanakan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dijangka akan dapat menaikkan lagi nama Pulau Pinang dalam dunia pelancongan. Persiapan acara-acara sedang

dijalankan dengan rancak oleh Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dengan kerjasama dan peruntukan daripada Kementerian Pelancongan.

C10. Meskipun sektor primer atau *primary sector* yang merangkumi pertanian, penternakan dan perikanan menyumbang kurang daripada tiga (3) peratus kepada KDNK negeri, namun ia terus diberi perhatian oleh kerajaan dan telah menunjukkan haluan yang positif dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Penekanan diberi kepada sektor primer ini untuk tiga (3) objektif utama, iaitu, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup para petani, penternak dan nelayan di kawasan luar bandar, mengurangkan import bahan makanan dan menyeimbangkan perdagangan luar negara serta menggunakan lebih potensi di dalam sektor ini supaya menjadi enjin ketiga bagi pertumbuhan ekonomi negeri. Pendekatan serampang dua mata akan juga diambil melalui pengukuhan dan mempelbagaian. Pengukuhan sektor ini sedang diusahakan melalui peningkatan produktiviti pertanian, penternakan dan perikanan dengan mengembangkan dan menggunakan agro bio-teknologi serta melaksanakan pengurusan yang moden dan cekap. Pempelbagaian akan dapat dicapai dengan cara mengkomersialkan

produk-produk yang baru hasil daripada penyelidikan oleh MARDI dan universiti-universiti. Untuk tujuan ini, usaha yang bersepadu akan digemblengkan di kalangan pelbagai agensi negeri dan persekutuan seperti IADP, Jabatan Pertanian, FAMA, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar dan sebagainya. Lebih daripada 70 buah projek dengan peruntukan melebihi RM160 juta telah dirancang di bawah RMKe-9.

C11. Sebenarnya, pendekatan serampang dua mata ini menjadi asas bagi *Blue Print* atau Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Pulau Pinang yang sedang disediakan oleh kerajaan negeri. *Blue Print* ini yang seiring dengan agenda nasional akan memberi keutamaan kepada sektor pertanian bertujuan untuk menyediakan satu pangkalan data pertanian sebagai panduan dan rujukan dalam menentukan hala tuju sektor pertanian negeri supaya dapat mengenalpasti, menerokai dan menikmati potensi sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negeri. *Blue Print* ini, antara lain, akan mengandungi usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan; meningkatkan sekuriti makanan; meningkatkan aktiviti industri asas tani dan meningkatkan produk-produk hiliran hasil-hasil pertanian.

C12. Untuk *Blue Print* ini, satu kajian sedang dijalankan untuk mendapat maklumat yang lebih lengkap mengenai industri asas tani dalam negeri ini. Setakat ini, sumbangan nilai tambah dari industri asas tani pada amnya dimasukkan dalam pengiraan KDNK bagi sektor pembuatan. Adalah dicadangkan bahawa ianya sewajarnya dimasukkan ke dalam sektor primer supaya dapat mencerminkan perhubungan dan sumbangan kepada sektor ini secara lebih tepat dan rapat. Secara khusus, satu kawasan perindustrian bagi pengeluaran barangan makanan yang dikenali sebagai Pusat Industri Asas Tani sedang dibangunkan di Kubang Menerong yang diterajui oleh PERDA untuk menggalakkan pengeluaran barangan makanan secara komersil, terutamanya makanan halal untuk pasaran domestik dan antarabangsa. Di samping itu, usaha yang lebih gigih akan diteruskan untuk menerokai pasaran antarabangsa untuk produk-produk makanan tempatan. *Blue Print* ini juga bertujuan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan bagi penyelidikan dan industri bio-teknologi marin yang meliputi tiga (3) institusi yang sedia ada, iaitu, USM, *World Fish Centre* dan Institut Penyelidikan Perikanan.

C13. Pembangunan sektor perindustrian dan sektor pertanian menghasilkan barang-barangan yang perlu diedar kepada pelanggan untuk dijual-beli, sama ada dalam negeri ataupun ke luar negeri sebagai eksport. Di sebaliknya, negara dan negeri kita mengimport pelbagai jenis barang-barangan. Oleh itu, sektor perdagangan dan pengedaran yang merangkumi pengangkutan dan logistik turut berkembang. Begitu juga bagi sektor perkhidmatan yang meliputi berbagai-bagai jenis perkhidmatan kewangan, bisnes dan profesional untuk menguruskan segala aktiviti dalam semua sektor ekonomi. Oleh itu, pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian dan penggalakkan kepada sektor perdagangan dan perkhidmatan ini. Selain daripada pengeksportan barang-barang pembuatan ke pasaran sedunia sama ada secara langsung atau melalui Kuala Lumpur dan Singapura, usaha akan diteruskan untuk menerokai dan memajukan perdagangan dengan negeri-negeri jiran dalam konteks Koridor Pembangunan Utara, negara-negara jiran iaitu Indonesia dan Thailand dalam konteks Segitiga Pertumbuhan IMT-GT serta negara-negara ASEAN yang lain, khasnya Myanmar dan Vietnam. Adalah dipercayai bahawa Negeri Pulau Pinang akan muncul sebagai satu hab perdagangan di rantau ASEAN ini.

D PRASARANA, KUALITI ALAM, KUALITI HIDUP DAN PEMBANGUNAN SEIMBANG

D1. Pertumbuhan ekonomi sangat bergantung kepada keberkesanan prasarana asas supaya pergerakan barang-barangan dan perkhidmatan adalah cepat dan cekap dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Ini secara langsung dan tidak langsung akan juga mengagihkan hasil pembangunan ekonomi ke semua kawasan secara lebih sama rata, khasnya melalui pembinaan jalan dan lebuh raya. Selain daripada itu, prasarana diperlukan untuk mengendalikan berbagai jenis sisa serta mencegah segala masalah banjir, hakisan tanah dan pantai supaya tidak mencemarkan alam sekitar dan alam hidup. Walau bagaimanapun, asas kepada kualiti hidup bagi manusia ialah perumahan yang berkualiti dan mampu-beli, khasnya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Di samping itu, perhatian hendaklah terus diberi untuk menangani dan membasmi masalah kemiskinan dan menggalakkan penyertaan yang berkesan dan bermakna dari semua golongan masyarakat supaya mereka dapat menikmati hasil pembangunan secara lebih adil dan seimbang. Inilah konsep pembangunan seimbang yang menjadi komitmen Kerajaan Barisan Nasional di peringkat negeri dan peringkat persekutuan.

D2. Pembangunan prasarana menjadi tumpuan utama dalam RMKe-9. Jambatan Kedua Negeri Pulau Pinang dari Batu Kawan ke Batu Maung telah dimulakan kerja tanah dan pembinaan jalan sambungan selepas dilancarkan secara rasmi oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada awal bulan ini. Pembinaan struktur jambatan dari dasar laut dijangka bermula pada pertengahan tahun hadapan dan dijangka siap dalam tempoh tidak lebih daripada empat (4) tahun. Jambatan Kedua ini dijangka akan dapat menyurai lalulintas di antara Pulau dan Seberang Perai serta membantu mengagihkan hasil pembangunan ke Seberang Perai dan kawasan-kawasan di selatan Kedah dan utara Perak. Di samping itu, ianya akan menjadi satu tarikan pelancongan kerana adanya dua (2) pelantar peninjau yang membolehkan pengguna berhenti rehat dan menikmati pemandangan dari tengah laut. Untuk meningkatkan lagi penyuraian lalulintas, perancangan telah dimulakan untuk menaiktaraf beberapa jalan di pulau, seperti Jalan Bayan Lepas, Jalan Permatang Damar Laut dan Jalan Pantai Batu Uban. Di samping itu, usaha gigih akan dibuat untuk memulakan projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) yang juga merupakan satu keutamaan di bawah RMKe-9. Walaupun Jambatan Kedua dan

PORR merupakan projek penswastaan, sebanyak RM400.0 juta dan RM165.0 juta masing-masing diperuntukkan di bawah RMKe-9 untuk tujuan pengambilan tanah yang akan dipegang oleh kerajaan persekutuan dan dipajak mengikut konsep konsesi.

D3. Di bawah konsep NCER yang dicadangkan, beberapa projek lebuh raya, termasuk jalan persisiran pantai Koridor Pembangunan Utara akan menjadi rangkaian lebuh raya yang lebih menyeluruh yang dapat meningkatkan lagi keberkesanan pengangkutan untuk tujuan pergerakan orang ramai dan pengedaran barang-barangan dalam Koridor Pembangunan Utara ini. Pada masa hadapan, rangkaian lebuh raya yang lebih meluas ini akan disambung ke Pelabuhan Kontena di Butterworth dan Prai, dan juga disambung melalui Jambatan Pulau Pinang yang Pertama dan Jambatan Pulau Pinang Kedua ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas dan juga ke *International Cruise Centre* di Pengkalan Swettenham. Oleh itu, kerajaan negeri telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan persekutuan bagi meningkatkan kemudahan dan operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas untuk dijadikan satu-satunya hab udara Koridor Pembangunan Utara dan Wilayah IMT-GT.

D4. Kerajaan negeri penuh sedar bahawa pembinaan jambatan dan jalan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah pengangkutan dan lalulintas bagi jangka masa panjang. Oleh itu, kerajaan negeri sedang giat berusaha mempertingkatkan lagi sistem pengangkutan awam bagi seluruh negeri melalui satu sistem perkhidmatan bas bersepadu. Untuk tujuan ini, satu Rang Undang-Undang akan dibentangkan dalam persidangan Dewan kali ini untuk mewujudkan satu tabung dengan siling RM200.0 juta supaya dapat memperolehi pinjaman mudah (*soft loan*) dari kerajaan persekutuan untuk menampung kos pembelian bas dan peningkatan kemudahan-kemudahan lain oleh kerajaan negeri dengan kerjasama Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan. Projek Monorel sebagai tulang belakang sistem pengangkutan awam bagi kawasan bandaraya di bahagian Pulau telah juga diluluskan di bawah RMKe-9 dengan peruntukan sebanyak RM150.0 juta untuk tujuan perancangan, pengambilan tanah dan perbelanjaan awalan yang lain.

D5. Di bawah RMKe-9, tumpuan memang diberi untuk mempertingkatkan lagi pengurusan alam sekitar, termasuk berbagai-bagai jenis sisa. Dengan kos projek lebih daripada RM500.0 juta, pembinaan loji rawatan pembentungan di sisir pantai Jelutong untuk kawasan George Town dan sekelilingnya sedang diteruskan dan dijangka siap pada tahun 2008. Dua (2) projek loji rawatan pembentungan di Seberang Perai, iaitu di Sungai Nyior dan Juru untuk kawasan Butterworth, Perai, Seberang Jaya dan Bukit Mertajam dan sekelilingnya dengan jumlah peruntukan sebanyak RM300.0 juta dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun hadapan. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM500.0 juta telah disediakan untuk sistem pelupusan dan pengurusan sisa pepejal bagi seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut kaedah-kaedah yang mesra alam, termasuk kitar semula yang memerlukan sokongan dan penyertaan orang ramai. Empat (4) buah projek tebatan banjir pula dengan peruntukan RM180.0 juta berada di pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan bagi kawasan Sungai Muda, Perai, Bertam-Kepala Batas dan bahagian pulau. Kesemua projek tersebut diberi jumlah peruntukan sebanyak RM1.5 billion, iaitu hampir 20 peratus daripada jumlah besar peruntukan pembangunan di bawah RMKe-9 sebanyak RM7.7 billion adalah

untuk projek-projek meningkatkan kualiti alam hidup. Ini dengan jelas mencerminkan komitmen kerajaan untuk menangani isu pencemaran alam sekitar supaya menjamin keseimbangan di antara pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar.

D6. Penyediaan perumahan berkualiti dan mampu-beli yang mencukupi untuk memenuhi keperluan masyarakat merupakan tumpuan utama kerajaan bagi memastikan rakyat negeri ini menikmati alam hidup yang lebih selesa. Perhatian akan diberi kepada keperluan golongan sosial yang tidak layak untuk perumahan kos rendah yang berharga kurang daripada RM25,000.00, tetapi tidak mampu membeli perumahan kos tinggi dan sederhana yang melebihi RM100,000.00. Dalam tempoh 2006 hingga 2010 adalah dianggarkan 54,000 unit rumah mampu-milik dan rumah sewa diperlukan, termasuk yang berharga di lingkungan RM35,000.00 ke RM75,000.00. Di bawah RMKe-9, sebanyak RM70 juta disediakan untuk Program Perumahan Rakyat untuk disewa. Dalam usaha memenuhi permintaan ini, kerajaan negeri akan terus bekerjasama dengan Jabatan Perumahan Negara dan agensi-agensi seperti MPPP, MPSP, MAINPP, PDC, JKP, UDA dan PERDA. Pada masa yang sama, melalui perundingan dengan agensi-agensi ini

dan para pemaju perumahan swasta serta lawatan kajian ke Singapura dan Hong Kong, kerajaan negeri sedang mengkaji semula dasar dan strategi perumahan negeri. Sebuah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang dicadangkan untuk ditubuhkan bertujuan bagi merancang dan melaksanakan pembangunan perumahan secara lebih terancang dan bersepadu bagi negeri ini.

D7. Satu Jawatankuasa Khas untuk Perancangan dan Pembangunan Tanah Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Timbalan Ketua Menteri telah ditubuhkan baru-baru ini untuk merancang dan melaksanakan pembangunan tanah-tanah yang dimiliki oleh kerajaan negeri, PDC, MAINPP dan Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk tujuan perumahan, sebanyak RM63 juta di bawah RMKe-9 adalah untuk mewujudkan perumahan atas tanah-tanah wakaf. Jawatankuasa Khas ini juga akan menyelaraskan Program Bank Tanah JKP dengan peruntukan sebanyak RM70 juta di bawah RMKe-9 untuk membeli tanah di kawasan berkepentingan Bumiputera bagi memajukan projek-projek perumahan dengan harga yang mampu-beli oleh Bumiputera. Kerajaan juga sedang merancang pembangunan semula kawasan-kawasan perumahan lama yang usang dan tidak sesuai lagi. Semua langkah ini adalah

untuk menambahkan lagi bilangan perumahan mampu-beli bagi rakyat kita.

D8. Program pembasmian kemiskinan akan diteruskan sebagai agenda utama pembangunan negeri, walaupun kedudukan peratus kemiskinan dan kemiskinan tegar bagi negeri ini adalah yang terendah di Malaysia, iaitu 0.3 peratus dan di bawah paras 0.05 peratus masing-masing. Sebuah jawatankuasa untuk membasmi kemiskinan dan mengatasi masalah setinggan yang dipengerusikan oleh Y.B. Timbalan Ketua Menteri sedang bergerak sejak dua tahun yang lalu. Kerajaan negeri dengan kerjasama USM sedang menjalankan satu Bancian Kemiskinan Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan angka dan maklumat yang terkini untuk menyediakan Pelan Tindakan Membasmi Kemiskinan. Pada masa yang sama juga, pelbagai sumber peruntukan yang sedia ada di bawah beberapa agensi persekutuan akan digemblengkan dengan peruntukan di bawah jabatan-jabatan negeri supaya pelaksanaan program membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum akan menjadi lebih teratur dan dapat memberi impak sosial yang lebih positif kepada semua kumpulan sasaran.

D9. Pembangunan sebuah masyarakat Bumiputera yang berdaya saing dan berdikari akan tetap diberi perhatian khusus oleh kerajaan negeri, dengan sokongan dan bantuan daripada kerajaan persekutuan. Di bawah RMKe-9, Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (JKP) akan melaksanakan Pelan Strategik Agenda Baru Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang yang bertujuan untuk menjana pembangunan secara membina dan produktif supaya mengurangkan jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi yang masih wujud di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera di negeri ini. Dengan pelbagai peruntukan di bawah RMKe-9, beberapa program akan diteruskan untuk meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi yang strategik supaya dapat menaiktaraf kedudukan dan kemampuan sosio-ekonomi Bumiputera Negeri Pulau Pinang, terutamanya Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) secara kuantitatif dan kualitatif. Selain daripada itu, perhatian akan diberikan oleh kerajaan terhadap peningkatan keupayaan kaum India dan kumpulan-kumpulan minoriti yang lain. Ini adalah selaras dengan konsep penyusunan semula masyarakat secara menyeluruh.

E FAKTOR INSAN, PENDIDIKAN, PENTADBIRAN DAN PELAN INTEGRITI NASIONAL

E1. Seperti yang sering ditegaskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri serta pucuk pimpinan yang lain, faktor insan (*the human factor*) merupakan faktor penentu yang utama dalam usaha kita memajukan negara dan negeri ke arah mencapai Wawasan Negara dan Misi Pulau Pinang. Dalam bidang ekonomi, faktor insan akan menentukan sama ada kita dapat terus meningkatkan produktiviti dan kualiti bagi pengeluaran barang-barangan yang dibuat atau perkhidmatan yang diberi supaya dapat terus bersaing di pasaran sedunia. Dalam bidang sosial, faktor insan menentukan sama ada kita dapat bergaul dan bernesra dengan orang lain untuk terus memupuk perpaduan serta menjamin keamanan dan kestabilan yang merupakan asas untuk kemajuan yang berterusan. Dalam bidang pentadbiran dan pengurusan, di kedua-dua sektor awam dan swasta, faktor insan merupakan penentu kepada sistem penyampaian yang beramanah, berkesan, cekap dan tepat berdasarkan kepada konsep integriti yang diutarakan dan diutamakan oleh Y.A.B Perdana Menteri.

E2. Untuk memperkembang dan memperkasakan faktor insan ini, institusi agama, keluarga dan pendidikan memainkan peranan yang amat penting, khasnya di peringkat kanak-kanak dan remaja. Oleh itu, pendidikan dan pembangunan sumber manusia menjadi satu teras utama dalam Misi Nasional dan Misi Negeri. Di bawah RMKe-9, kerajaan persekutuan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sistem pendidikan formal telah meluluskan peruntukan hampir RM680 juta bagi Negeri Pulau Pinang melalui Kementerian Pelajaran. Ini termasuklah kos bagi pembinaan sekolah-sekolah rendah dan menengah yang baru dan penambahbaikan sekolah-sekolah yang sedia ada, institut perguruan dan rumah guru serta pembelian tanah dan bekalan. Bilangan sekolah baru yang akan dibina kini sedang dalam proses untuk dimuktamadkan, tidak termasuk projek-projek sekolah yang akan dilaksanakan di bawah PFI.

E3. Di samping itu, bagi pendidikan tinggi, lebih daripada RM970 juta disediakan melalui Kementerian Pengajian Tinggi untuk program-program di USM, khasnya Institut Penyelidikan Perubatan dan Pergigian Lanjutan di Bertam serta Kampus Kejuruteraan di Seri Ampangan; UiTM Cawangan Permatang Pauh dan Kepala Batas

serta Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Balik Pulau. Di samping itu, beberapa institusi pengajian tinggi swasta dijangka akan terus berkembang untuk memenuhi keperluan pengajian tinggi bagi pembangunan ekonomi dan teknologi yang rancak pada masa hadapan. Ini termasuklah Maktab Perubatan Pulau Pinang atau Penang Medical College (PMC), Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti Terbuka Wawasan. Sememangnya, semua IPTA dan IPTS di negeri ini, bersama-sama dengan institusi-institusi di Kedah seperti UiTM Cawangan Merbok dan Asia Institute of Medicine, Science and Technology (AIMST) di Sungai Petani akan menjadi asas untuk satu zon pendidikan atau "*Edu Zone A*" dalam konteks Koridor Pembangunan Utara atau NCER. Selain daripada pengajian tinggi secara formal, kerajaan akan terus menggalakkan program-program pembangunan sumber manusia seperti yang ditawarkan oleh *Penang Skills Development Centre (PSDC)*, *FMM Training Centre* dan sebagainya.

E4. Selain daripada sistem pendidikan formal, sistem pendidikan bukan formal (*non-formal education*) juga memainkan peranan yang amat penting. Di peringkat pra-sekolah, program Tadika dan Tabika di bawah KEMAS dan Rukun Tetangga serta kemudahan

yang ditawarkan oleh tadika swasta akan terus digalakkan supaya mendedahkan kanak-kanak kita kepada kemahiran asas dan nilai-nilai murni sebelum memasuki alam persekolahan formal. Program untuk membantu kanak-kanak yang bermasalah dalam pembelajaran akan diteruskan melalui BOLD, iaitu "*Bureau On Learning Difficulties*" untuk para guru dan ibu-bapa. Di bawah Program Jagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak atau "*Early Childhood Education and Care (ECEC)*," yang dikenali sebagai PERMATA, satu kawasan di Penaga, Kepala Batas akan dipilih untuk menyertai projek perintisnya. Program kebangsaan ini akan memberi sokongan dan bantuan kepada ibubapa dan anak-anak mereka dari kawasan yang agak mundur supaya sikap dan tabiat pembelajaran yang mencetuskan daya kreativiti, imaginasi dan minat kanak-kanak serta disiplin diri dapat dipupuk sebelum peringkat pra-sekolah lagi. Ini adalah selaras dengan pepatah, "melentur buluh biarlah dari rebungunya".

E5. Pembangunan insan juga meliputi aspek kesihatan fizikal atau tubuh badan. Rakyat yang sihat dan segar sememangnya akan menjadi tenaga kerja yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Mereka juga akan menjauhkan diri daripada gejala-gejala

sosial dan amalan-amalan yang kurang sihat. Oleh itu, pihak kerajaan sangat mengambil berat terhadap kemudahan perkhidmatan kesihatan bagi rakyat kita. Di bawah RMKe-9, sebanyak RM370 juta telah diperuntukkan untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan kesihatan di hospital dan klinik, termasuk klinik-klinik pergigian statik dan bergerak, di samping menyediakan kuarters yang lebih selesa bagi anggota-anggota perkhidmatan kesihatan. Selain daripada itu, hospital-hospital dan klinik-klinik swasta akan terus digalakkan untuk memainkan peranan mereka masing-masing. Memandangkan bahawa dalam institusi keluarga, wanita sebagai surirumah, isteri dan ibu memainkan peranan yang amat penting, khasnya bagi pembangunan fizikal, mental, sosial dan moral kanak-kanak, maka program pembangunan wanita dan keluarga akan terus digalak dan disokong. Begitu juga segala program kebajikan untuk mereka yang kurang upaya dan kurang bernasib baik. Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak RM34 juta disediakan di bawah RMKe-9.

E6. Oleh kerana belia merupakan bakal penggerak dan pemangkin Misi Nasional, maka program pembangunan belia akan terus disokong dan dipertingkatkan. Begitu juga untuk program

pembangunan sukan bagi meningkatkan kesihatan fizikal, memupuk semangat berpasukan dan mengejar prestasi cemerlang, khasnya untuk golongan belia. Untuk tujuan pembangunan belia dan sukan, sebanyak RM69 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-9 untuk membina dan menaik taraf Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), menganjurkan pelbagai program IKBN, menaik taraf kompleks belia dan sukan, membina dewan gimnastik dan dua (2) buah kompleks sukan komuniti serta menyelenggara kompleks dan kemudahan sukan. Di peringkat negeri, kerajaan negeri akan memberi bantuan kewangan kepada Majlis Belia Negeri (MBN) untuk tujuan membina sebuah wisma MBN di dalam perkarangan Kompleks Masyarakat Penyayang dengan syarat bahawa MBN hendaklah menanggung satu pertiga (1/3) daripada kos pembinaan tersebut, termasuk kelengkapan dan peralatannya.

E7. Mengenai faktor insan dalam pentadbiran, Kerajaan Negeri Pulau Pinang amatlah komited kepada peningkatan sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam. Sekurang-kurangnya empat (4) langkah yang telah dan akan terus diusahakan adalah seperti berikut:-

- (i) Menyusun semula struktur organisasi, misalnya bagi semua pejabat daerah dan tanah seluruh Pulau Pinang yang melibatkan pertambahan sejumlah 234 jawatan baru kepada sejumlah 453 jawatan sedia ada, iaitu, lebih daripada 50 peratus supaya membolehkannya berfungsi dengan lebih efektif dan efisien, berikutan kajian MAMPU di bawah Jabatan Perdana Menteri ke atas peranan pejabat daerah dalam pentadbiran daerah di seluruh negara dan kelulusan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan;

- (ii) Meningkatkan penggunaan ICT berdasarkan Pelan Induk K-ICT Negeri dengan pelaksanaan aplikasi-aplikasi yang interaktif dalam memudahkan komunikasi dan penyelarasan di antara agensi kerajaan dan agensi dengan pelanggan mereka serta mewujudkan Portal Kerajaan Negeri, membangunkan beberapa sistem, antara lain seperti "*Policy Management System*" (PoliSys) dan Sistem Pemantauan Projek Negeri (SPPN) di bawah Pelan Pelaksanaan Strategik ICT (ISP);

- (iii) Memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan melalui program latihan untuk membolehkan anggota perkhidmatan awam meningkatkan kemahiran, membina keupayaan, mengubah minda dan paradigma, mewujudkan pekerja berilmu dan berfikiran kelas pertama, mempunyai daya saing global serta sentiasa sesuai dengan tuntutan dan kehendak semasa; dan

- (iv) Menggalakkan semua jabatan dan agensi menganjurkan sesi dialog bersama-sama dengan komuniti perniagaan, organisasi-organisasi berasaskan komuniti, badan-badan bukan kerajaan serta badan-badan profesional supaya membuka peluang untuk perundingan, penyertaan dan penglibatan bagi memberi maklumbalas demi meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam.

E8. Y.A.B. Perdana Menteri kita amat mengutamakan penerapan nilai-nilai murni seperti ketelusan dan ketekunan dalam pentadbiran kerajaan demi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam (*public service delivery system*) yang cekap, berkesan,

beramanah dan mesra rakyat untuk memanfaatkan semua warganegara kita dari semua lapisan masyarakat. Integriti diberi penekanan dan keutamaan kerana negara kita berada di satu tahap yang amat penting, iaitu, dalam perjalanan ke arah mencapai Wawasan Nasional. Oleh itu, kita perlu memastikan bahawa pelaksanaan semua projek di bawah RMKe-9 akan berjaya demi mencapai Misi Nasional. Untuk tujuan tersebut, kita mestilah berpandu kepada nilai-nilai integriti, menambahbaik dan meningkatkan semua prosedur dan langkah pelaksanaan bagi mengelakkan sebarang kelemahan, kekurangan, kecuaiian, ketirisan dan salah guna kuasa yang boleh menggagalkan Misi Nasional kita.

E9. Dalam ucapan bajet saya pada Disember tahun 2005, saya telah memaklumkan Dewan ini bahawa sebagai menyahut seruan Y.A.B. Perdana Menteri kita, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Pelan Tindakan Integriti Negeri Pulau Pinang yang berlandaskan kepada Pelan Integriti Nasional (PIN) di peringkat kebangsaan. Ia merupakan satu rangka tindakan yang memperjelaskan matlamat-matlamat dan strategi-strategi ke arah meningkatkan keutuhan pengurusan kerajaan negeri, di samping menjadi teras panduan utama kepada semua sektor, iaitu, sektor

awam, sektor swasta, sektor politik dan masyarakat umum. Fasa Pertama PIN di negeri ini telah siap dilaksanakan bagi tahun 2003 hingga tahun 2005 dan kini Fasa Kedua telah dimulakan bagi tempoh 2006 hingga 2010. Dalam Fasa Kedua ini, semua ketua jabatan dan agensi dikehendaki menyediakan dan melaksanakan Manual Prosedur Pengurusan Integriti supaya semua lapisan kakitangan dalam setiap jabatan akan menghayati nilai-nilai telus dan mengamalkan prosedur yang telus.

E10. Sebuah institut yang diberi nama Institut Integriti Negeri Pulau Pinang atau IINPPi telahpun ditubuhkan untuk memantapkan lagi Pelan Tindakan Integriti Negeri Pulau Pinang. Institut tersebut ditubuhkan sejajar dengan corak penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) di peringkat kebangsaan. IINPPi telah didaftarkan pada 12 Oktober tahun ini dan akan beroperasi dari sebuah bangunan kerajaan di Jalan Scotland. Lembaga Pengarah IINPPi dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri dan operasi perkhidmatan sehariannya akan diterajui oleh Pengarah Urusan dan Timbalan Pengarah Urusan yang akan dilantik tidak lama lagi untuk berkhidmat sepenuh masa. Institut yang akan beroperasi secara "*independent*" dan "*non-partisan*" ini berfungsi untuk menjalankan

penyelidikan, pendidikan dan latihan serta usaha promosi berkaitan dengan hal-ehwal integriti dalam semua sektor masyarakat.

E11. Seperti yang telah saya tegaskan tadi, tempoh RMKe-9 dan RNPP2 merupakan satu tempoh yang amat penting bagi Negeri Pulau Pinang kerana kita bukan sahaja perlu bangkit menghadapi cabaran-cabaran ekonomi, tetapi juga perlu memastikan semua aspek pembangunan lain, iaitu sosial, persekitaran dan urus tadbir dibangun dan digabungkan secara seimbang dalam memenuhi keperluan pembangunan mampan. Bagi mencapai matlamat ini, lima (5) teras di dalam Misi Negeri dan Misi Nasional mestilah diikuti, diusahakan dan dicapai sepenuhnya. Saya percaya negeri kita memang berpeluang dan berpotensi untuk terus menempa kejayaan berkat kerja berpasukan, kegigihan untuk meningkatkan tahap daya saing, mengamalkan pendekatan-pendekatan baru yang lebih dinamik dan inovatif serta berpaksikan kepada landasan-landasan yang kukuh yang menjadi testimoni kepada kejayaan berterusan Negeri Pulau Pinang pada masa dahulu dan juga pada masa hadapan.

E12. Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita sanjung tinggi kerana telah selama ini memberi sokongan padu dan bantuan kepada kerajaan dan rakyat negeri ini. Lebih-lebih lagi, beliau telah mengilhamkan kita semua dengan satu perspektif dan kesedaran terhadap betapa pentingnya kita mempunyai sikap yang positif dan terbuka, berhati penyayang dan berazam untuk mencapai tahap cemerlang, gemilang dan terbilang. Saya ingin merayu kepada semua Ahli Yang Berhormat sama ada dari pihak kerajaan atau pembangkang serta semua rakyat Negeri Pulau Pinang supaya terus bersatu hati, berganding bahu dan bertungkus lumus dalam perjalanan bersama dalam Misi Nasional dan Misi Negeri untuk mara ke arah mencapai Wawasan Negara.

Sekian, saya mohon mencadangkan.